

24/10/1997

Belanjawan tidak bebaskan nelayan, peladang

KUCHING, Khamis - Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) menyifatkan Belanjawan 98 tidak terlalu membebaskan rakyat terutama masyarakat peladang, penternak dan nelayan yang berpendapatan rendah, walaupun di dalam krisis ekonomi berikutan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham sekarang.

Pengerusinya, Jamali Basri, dalam satu kenyataan hari ini, berkata langkah kerajaan memperuntukan RM403 juta untuk pembangunan pertanian bersepadu, perikanan dan perhutanan, membuktikan komitmen kerajaan kepada golongan terbabit.

Beliau juga Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (Penesa) berkata, pertumbuhan ekonomi Malaysia yang dijangka mencapai tidak melebihi tujuh peratus merupakan pencapaian realistik dalam pertumbuhan ekonomi dunia yang sederhana.

Katanya, pertumbuhan ini lebih baik berbanding negara lain di mana pertumbuhan jauh kurang daripada unjuran yang dibuat.

"Sehubungan itu Nekmat menyeru ahli dan masyarakat nelayan agar berjimat-cermat, menabung bagi mengelakkan inflasi dan bersama-sama mengembling tenaga untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti pengeluaran bagi tujuan eskport yang diharapkan dapat membantu meningkatkan nilai ringgit," katanya.

Jamali juga berkata, Nekmat menyokong kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mahu agar beliau untuk terus menerajui pucuk kepemimpinan negara.

"Nekmat mengencam segala percubaan oleh media asing atau pihak-pihak lain yang cuba mengganggu-gugat kewibawaan dan kepemimpinan Dr Mahathir dalam memimpin negara dan menangani masalah ekonomi yang dihadapi negara sekarang.

"Nekmat akan berdiri teguh di dalam menyokong dan memberi keyakinan kepada Dr Mahathir untuk terus memimpin dan menguruskan masalah kewangan dan ekonomi negara," katanya.

(END)